



Antara kemudahan parkir, meja dan tandas yang dinaik taraf memberikan keselesaan kepada pengunjung.

(Foto Aswadi Alias/BH)

Inisiatif naik taraf pusat penjaja di KL beri keselesaan peniaga, pengunjung

DBKL laksana projek pembangunan, pengindahan semula infrastruktur

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sejak inisiatif Lestari Niaga@Kuala Lumpur diperkenalkan pada 2023, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menaik taraf dan mengindahkan 67 daripada 83 fasiliti gerai penjaja di sekitar ibu kota.

BH membuat tinjauan ke atas beberapa lokasi di sekitar Parlimen Setiawangsa untuk mengetahui sejauh mana inisiatif Lestari Niaga@Kuala Lumpur ini memberi manfaat kepada komunitinya.

Terdapat lima pusat penjaja yang telah siap dinaik taraf dan dipindahkan pada 2023 dan satu pada Mac 2024 manakala satu lagi masih dalam proses. Ia dianggarkan siap pada akhir Julai ini, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhannya, tujuh.

Rata-rata peniaga dan pengunjung kini lebih selesa menjadikan pusat penjaja sebagai medan utama untuk mereka menjamu selera

Antara perubahan ketara, lukisan mural yang menarik pada dinding dan fasiliti pusat penjaja. Penyelenggaraan juga dipertingkatkan dan diperkirakan akan diperbaiki dalam tempoh tujuh hari. Malah, DBKL melakukan penyelenggaraan secara berterusan dan berkala.

Pengerusi Persatuan Usahawani Taman Setiawangsa, Abdul Halid Mat Karim, 54, yang berniaga di Pusat Penjaja Taman



Lukisan mural di Medan Selera D'Tasik menarik pengunjung.

Setiawangsa, berkata perubahan ketara sebelum ini ramai peniaga berniaga di tepi jalan tetapi kini mereka mempunyai gerai.

“Ini adalah satu nikmat kepada penjaja kerana daripada berniaga di tepi jalan, sekarang sudah ada gerai dan daripada tiada lesen kemudian dilesenkan.

“Selain itu, penyelenggaraan dalam keadaan yang baik. Tempat lain saya tidak tahu tetapi kalau di sini, urusan pentadbiran memang terbaik.

“Kadar sewa bulanan juga berpatutan dengan harga di tingkat bawah sebanyak RM182, manakala tingkat satu hanya RM162. Mana nak cari di Kuala Lumpur dengan harga macam itu?”

“Tiada penjaja yang mempunyai tunggakan lebih daripada dua bulan. Semua mampu bayar sewa. Tempat ini padat dengan pengunjung terutama waktu makan tengah hari kerana harganya yang murah. Susah untuk mendapat harga seperti ini di Kuala Lumpur. Pelanggan berpuas hati,” katanya.

Untuk penambahbaikan di pusat penjaja itu Abdul Halid mencadangkan, agar pihak berkenaan



Lukisan mural hiasi tangga Pusat Penjaja Taman Setiawangsa.

membina parkir bertingkat kerana pada masa kini terdapat kekurangan parkir kepada pelanggan.

Pada masa sama, dia turut menegakkan, tidak sama sekali memberi muka kepada mana-mana warga asing yang ingin menyewa di pusat penjaja itu.

“Saya sendiri akan melaporkan kepada pihak berkuasa jika ia berlaku,” katanya.

Persekitaran premis dicat

Peniaga, Mohd Bakhry Kasiran, 69, pula berkata, antara perubahan ketara dapat dilihat adalah persekitaran premis yang sudah dicat cantik dan lebih menarik.

“Cuma ada masalah kebersihan sedikit. Ada kesan kotoran degil yang sukar ditanggalkan. Selain itu, ada najis kucing ter-

biar yang menyebabkan setiap pagi, pekerja saya terpaksa membersihkannya.

“Majoriti pelanggan saya adalah pelajar universiti. Jika cuti semester, kira-kira 200 pelanggan datang ke sini setiap hari tetapi ia boleh mencecah 700 orang sehari jika mereka ada kuliah.

“Antara sebabnya harga murah dan potongan harga istimewa ditawarkan untuk pelajar. Contohnya, pelajar mendapat harga RM4.50 bagi seketul ayam berbanding RM5. Saya juga menawarkan air sirap secara percuma,” katanya.

Sementara itu, pelanggan tetap yang juga pesara tentera, Amir Haniff, 57, berkata dia akan berkunjung ke pusat penjaja ini sekurang-kurangnya empat kali seminggu.

“Bagus juga pusat penjaja ini dinaik taraf, apabila kita nak makan rasa lebih selesa. Terutamanya lukisan mural, *first impression* itu penting.

“Meja dulu pun ada perubahan dan banyak yang sudah ditukar baharu sekali gus berpuas hati berkunjung ke sini. Nak cadangkan kepada orang lain pun kita tak malu,” katanya.

Peniaga di Pusat Penjaja Air Panas, Amirah Abdullah, 53, berkata selama tiga tahun berniaga di sini, selepas proses naik taraf, keadaan bertambah baik dan bersih serta menarik ramai pelanggan.

“Kemudahan parkir dan tandas juga semakin baik. Kita akan cuba jadikan pusat penjaja bertaraf lima bintang.

“Pelbagai kaum datang ke sini, tetapi kebanyakan Cina dan India. Walaupun saya membayar sewa kepada DBKL dengan harga RM350 sebulan, keuntungan masih lagi dapat diperolehi,” katanya.

Bagi pemandu Grab, Tan Yong Wey, 32, dia mula berkunjung ke pusat penjaja selepas diperkenalkan rakan. Sejak itu sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu dia akan berkunjung ke situ.

“Kebersihan sudah baik tetapi boleh dipertingkatkan lagi,” katanya.

Peniaga di Medan Selera D'Tasik, Mahphoz Hassan, 72, pula berkata walaupun DBKL telah banyak menjalankan kerja penyelenggaraan, mentaliti individu yang menggunakan kemudahan disediakan perlu diubah.

“Semua pihak sepatutnya menjaga kemudahan disediakan dengan baik dan anggap tempat ini hak kita. Bagi kemudahan tandas, saya mencadangkan pihak DBKL mengenakan cas kepada pengguna supaya kebersihan lebih terjamin,” katanya.

Dalam pada itu, terdapat lima fasiliti di sekitar Wangsa Maju yang sudah siap dinaik taraf di bawah inisiatif Lestari Niaga@Kuala Lumpur, iaitu Pusat Penjaja Danau Kota, Pusat Penjaja Seksyen 1, Medan Selera Seksyen 2 dan Pusat Penjaja Seksyen 4, Gerai Penjaja di tepi Jalan Gombak. Manakala satu lokasi masih dalam pelaksanaan.